


# ETNIK TATANA

## KEPERCAYAAN & AMALAN



L e m b a g a   K e b u d a y a a n   N e g e r i   S a b a h

# Sinopsis

Dusun Tatana atau lazimnya disebut sebagai 'Tatana' merupakan salah satu daripada 79 sub etnik Kadazandusun di Sabah. Majoriti Dusun Tatana tinggal di daerah Kuala Penyu yang terletak di bahagian pedalaman negeri Sabah. Mereka menuturkan bahasa Dusun iaitu Tatana. Daerah Kuala Penyu terletak di kawasan barat daya negeri Sabah dan menghadap ke arah Laut Cina Selatan di sebelah barat. Salah satu keistimewaan daerah ini ialah ia menjadi pintu masuk utama menuju ke tanah besar negeri Sabah dari Wilayah Persekutuan Pulau Labuan. Dusun Tatana masih mengamalkan beberapa ritual tradisional sehingga pada hari ini. Mereka percaya bahawa manusia mempunyai penjaga roh yang dikenali sebagai *Dewato*. *Bobolian* merupakan orang yang mempunyai kepakaran dalam upacara ritual *momurinait*. Bab ini akan menerangkan tentang beberapa ritual yang masih diamalkan sehingga kini iaitu *Bobolian Sonsodop*, *Bobolian Koduaan*, *Menawak*, *Moginum*, *Berasik* dan *Momiliu*.

# Kepercayaan Dan Amalan

## Bobolian Sonsodop

*Bobolian Sonsodop* merupakan sejenis ritual yang diadakan khusus untuk pindah rumah baru. Bobolian akan menjalankan ritual untuk memohon kepada *Dewato* agar setiap ahli keluarga akan memperoleh kehidupan baru yang lebih baik. Upacara ini dibuat selama satu malam selepas berpindah ke rumah baru. Antara bahan-bahan yang digunakan semasa ritual ini ialah beras, jeruk ikan, *kawot* (gelang tembaga), obor dan padi.



'Bobolian' sedang 'Momurinait' (membaca mantera) di hadapan pintu utama rumah.

## Bobolian Koduaan

*Bobolian Koduaan* merupakan sejenis ritual yang bertujuan untuk memohon kepada *Dewato* agar semua ahli keluarga memperoleh kesihatan yang baik tanpa sebarang gangguan daripada roh-roh jahat. Ritual ini akan diadakan selama dua malam oleh *Bobolian* dan dibantu oleh seorang kanak-kanak yang digelar *Tolikud*. Antara bahan-bahan yang digunakan dalam upacara ini ialah *podou* (perahu), beras bersama jeruk ikan, padi dan gong.



*'Tolikud' (kanak-kanak) sedang menjaga anak ayam yang dimasukkan ke dalam bakul. 'Bobolian' menghulurkan rotan di jendela sambil 'Momurinait'.*

## Menawak

*Menawak* merupakan ritual yang bertujuan untuk memohon kepada *Dewato* agar memberi kesejahteraan kepada semua ahli keluarga sekiranya terdapat ahli keluarga yang berasa tidak sihat. *Menawak* akan dikendalikan oleh *Bobolian* selama dua malam dan diadakan dengan pelbagai persediaan seperti menyediakan daun pacar sebagai bahan pewarna kuku dan tangga.

*'Bobolian' Inai Eboh Awang sedang 'Memurinait' sambil menari seolah-olah menerbangkan ayam dengan memegang 'Pinadang' (sejenis pedang).*



## Moginum

*Moginum* diadakan dalam beberapa acara iaitu *Moginum Kahwin* (sempena perkahwinan anak perempuan sama ada sulung atau bongsu), *Moginum Kaul* (mengubati orang sakit *Sinimponongon* atau keteguran roh nenek moyang) dan *Moginum Loyob* (memperingati roh seseorang yang telah meninggal dunia). Ritual ini akan diadakan selama dua hari bermula pada hari pertama yang dipanggil *bomasak* iaitu proses penyediaan pelbagai jenis makanan untuk dihidangkan terutama *kolupis* (beras pulut yang dimasak dengan santan) dalam kuantiti yang banyak.



Hidangan bagi upacara 'Moginum' yang akan dihidangkan selama satu malam.

## Momiliu

Upacara *Momiliu* diadakan bagi menyambut kelahiran bayi dalam sesebuah keluarga. Upacara ini diadakan selama satu malam sebagai tanda kesyukuran dan memohon kepada *Dewato* agar bayi yang baru lahir itu sentiasa sihat dan sejahtera sepanjang hayat. Pelbagai hidangan akan disediakan termasuklah *Kolupis*, kuih *Pinjaram*, ikan kering (ikan yu) dan lain-lain yang akan diletakkan di atas *Sawat Baloi* iaitu satu ruang khas di bahagian bumbung rumah.



Puan Diang Engol (dalam gambar) duduk di samping hidangan 'Momiliu' dalam 'Sawat Baloi'.